

Najib dinasihati tangguh saman WSJ hingga jelas tentang undang-undang AS
Malaysian Insider
Oct 27, 2015
Oleh Jennifer Gomez

Peguam Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menasihatkan anak guamnya menangguhkan tindakan undang-undang terhadap akhbar The Wall Street Journal (WSJ) sehingga jelas mengenai undang-undang Amerika Syarikat (AS) yang melindungi syarikat itu.

Datuk Hafarizam Harun berkata, akhbar yang berpusat di Singapura itu sudah menjawab kepadanya, tetapi tidak memberi jawapan pasti sama ada mereka akan menggunakan Akta Pertuturan atau tidak.

"Ia masih satu persoalan berhubung Akta Pertuturan, melainkan WSJ bersedia beri jawapan jelas dan muktamad mereka tidak akan memetik akta tersebut apabila kita mula ambil tindakan (undang-undang).

"Saya cenderung menasihati anak guam saya menangguhkan pemfailan sehingga kita dapat jawapan itu," katanya kepada pemberita di Mahkamah Duta di Kuala Lumpur hari ini.

Hafarizam sebelum ini berkata, Najib tidak akan menyaman WSJ yang menyiarkan berita Julai lalu mengenai jumlah dana RM2.6 bilion disalurkan ke akaun bank peribadi perdana menteri, jika akhbar dan penerbitnya menggunakan Akta Pertuturan.

Hafarizam berkata peguam WSJ sudah memberi respons kepadanya, tetapi jawapan mereka tergantung kerana mereka tidak akan mendedahkan kemungkinan pembelaan mereka memandangkan pihak Najib tidak menyatakan tindakan yang akan diambil.

Beliau berkata, pihaknya menulis sekali lagi kepada peguam WSJ bagi mendapatkan jawapan muktamad, dan menegaskan Akta Pertuturan bukan suatu pembelaan kepada tuntutan fitnah.

"Saya bertanyakan soalan awal kepada peguam, iaitu jika saya memfailkannya, adakah mereka akan menggunakan akta ini untuk menentang penguatkuasaan tersebut?

"Jadi, ia bukan satu pembelaan komen berpatutan (fair comment) atau justifikasi, atau perlindungan bersyarat (qualified privilege) dalam sebarang akta fitnah, ia sebenarnya satu soalan asas, iaitu jika saya teruskan, adakah kamu tidak akan menggunakan Akta Pertuturan itu untuk mengalahkan penguatkuasaan penghakiman," katanya lagi.

Beliau bersetuju peguam biasanya tidak akan mendedahkan strategi mereka, namun berkata, dalam kes ini, WSJ adalah sebuah syarikat asing dan beliau memerlukan sudut pandangan yang jelas daripada pasukan undang-undang mereka.

Najib pada awal Ogos lalu mengeluarkan arahan untuk menyaman WSJ, selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata wang RM2.6 bilion itu adalah sumbangan penderma, dan bukan dari 1MDB.

Pada penghujung Julai, WSJ enggan bertindak balas kepada permintaan daripada peguam Najib untuk satu penjelasan sama ada laporan akhbar mengenai wang dalam akaun Najib itu bermaksud mereka mendakwa Najib melakukan penyelewengan.

Penerbit akhbar itu sebaliknya mempertahankan laporannya yang bertarikh 2 Julai itu dan satu artikel pendapat yang disiarkan pada 6 Julai, yang mengatakan perkara itu jelas dan berdasarkan dokumen yang diperoleh daripada penyiasat Malaysia. – 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-dinasihati-tanggung-saman-wsj-hingga-jelas-tentang-undang-undang-as>